

Headline	Felo Penyelidik Frim terima pingat RBGE		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,751



Felo Penyelidik Frim terima pingat RBGE

KEPONG - Felo Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan (Frim), Dr Saw Leng Guan menerima Pingat Royal Botanic Garden Edinburgh (RBGE) atas kecemerlangan dalam penyelidikan biodiversiti di negara ini dan usahanya dalam pemuliharaan tumbuhan lebih 30 tahun.

Frim dalam kenyataannya memaklumkan, Leng Guan mula bertugas pada 1982 sebagai Ahli Silvikultur Hutan Bukit diikuti Ahli Botani Hutan sebelum dinaikkan pangkat kepada Pegawai Penyelidik Kanan pada 1990.

"Beliau seterusnya dilantik sebagai Pengarah Program Pusat Biodiversiti Hutan Tropikal FRIM pada 2004 dan bersara sebagai Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM pada 2015.

"Pada tahun ini, beliau dilantik sebagai Felo Penyelidik FRIM untuk menyelaras kumpulan monokotiledon bagi projek Flora of Peninsular Malaysia," katanya.

Leng Guan ahli botani yang mempunyai pengalaman selama 34 tahun dalam bidang taksonomi, ekologi tumbuhan dan pemuliharaan flora di negara ini.



SAW LENG GUAN

Beliau telah menerbitkan lebih daripada 130 kertas kerja dalam jurnal, artikel dan bab-bab dalam buku; serta menamakan 57 taxa tumbuhan baharu.

Empat spesies tumbuhan telah dinamakan sempena nama beliau iaitu *begonia lengguanii*, *orchidantha lengguanii*, *schizostachyum lengguanii* dan *thrixsperrum lengguanianum*.

Beliau turut berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa peringkat kebangsaan dan antarabangsa; antaranya sebagai Panel Pakar Pelbagai Disiplin dalam Intergovernmental Science Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES); ahli lembaga International Flora Malesiana Foundation serta panel penasihat Sistem Pengurusan Penyelidikan Botani dan Herbarium (BRAHMS).

Penyampaian anugerah disampaikan Pengarah RBGE, Prof Simon Milne pada majlis pembukaan Simposium Antarabangsa Flora Malesiana ke-10 di RBGE, Scotland.

RBGE sebuah institusi penyelidikan antarabangsa terkemuka yang menyampaikan pengetahuan, pendidikan dan tindakan pemuliharaan tumbuhan di seluruh dunia.